

Pilihan kerjaya dan cabaran dalam kalangan belia terpinggir dan bukan terpinggir : Satu kajian di Sabah

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor keutamaan dalam pemilihan kerja dalam kalangan belia di terpinggir dan tidak terpinggir di Sabah. Faktor Keutamaan kerja terdiri daripada empat dimensi yang dikenal pasti dalam kajian ini, iaitu Communalitv , matlamat pekerjaan, penyelesaian kerja dan kesedaran diri. Kajian ini juga akan meneroka pilihan kerja yang berbeza dengan latar belakang demografi iaitu jantina. Seramai 732 belia terlibat, dari terpinggir (N = 521) dan tidak terpinggir (N = 211). Kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan dalam keutamaan kerja di kalangan belia yang terpinggir dan tidak terpinggir di Sabah secara keseluruhannya. Perbezaan jantina juga mendapati bahawa hanya dimensi communalitv menunjukkan perbezaan di antara lelaki dan wanita untuk belia tidak terpinggir , manakala dimensi self realization untuk belia terpinggir. Implikasi kajian ini dikenalpasti boleh menyumbang kepada pelaksanaan dasar dasar kerajaan untuk membantu golongan muda mendapatkan pekerjaan dengan lebih mudah dan efektif.